

22

Merangsang Sikap Belajar Bersama dengan Menuil Penggunaan Aplikasi Canva

Sekolah Menengah Canberra



Syairah Nur 'Amirah Zaid

syairah_nur_amirah_zaid@schools.gov.sg



Siti Hajar Ali

siti_hajar_ali@schools.gov.sg

Abstrak

Wadah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sememangnya memiliki potensi yang amat besar untuk dituil bagi memupuk suasana pembelajaran yang lebih kreatif dan berpusatkan pelajar. Misalnya, menerusi penggunaan alat penerbitan dalam talian seperti Canva, guru dapat menjalankan pembelajaran secara visual dengan lebih efektif dan merangsang daya cipta pelajar bagi menghasilkan bahan seperti poster yang mengasah kemahiran penulisan pelajar. Ciri kolaboratif Canva pula membolehkan bahan yang dihasilkan oleh pelajar dapat digunakan sebagai bahan pembelajaran pelajar lain. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahan yang dihasilkan oleh pelajar bukan sahaja bermutu malah berpotensi untuk merangsang sikap belajar bersama antara pelajar berlainan peringkat. Melalui proses pembinaan kandungan dengan menuil ICT serta pembelajaran bersama yang diterapkan, menambah nilai proses pembelajaran yang dilalui pelajar.

Kata Kunci: Canva, pembelajaran bersama, pembelajaran secara visual

PENGENALAN


Sejajar dengan peralihan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masa kini, kecekapan para guru dalam aspek pedagogi telah diasah menerusi inisiatif-inisiatif yang dijalankan di peringkat sekolah mahupun nasional. Umpamanya, ramai guru giat berkongsi pengalaman menjalankan pengajaran yang menggunakan pelbagai aplikasi atau platform ICT menerusi kumpulan *SG Learning Designers Circle*. Perkongsian tidak formal sebegitu terbukti berkesan dalam menarik minat guru untuk cuba menerapkan penggunaan aplikasi atau platform ICT yang baharu, selain meningkatkan kepekaan guru terhadap kewujudan pelbagai aplikasi dan platform dalam talian yang dapat dimanfaatkan untuk memupuk suasana pembelajaran yang lebih kreatif dan berpusatkan pelajar.

Kreativiti dalam PdP hendaklah diutamakan kerana ia mempengaruhi persepsi dan minat pelajar terhadap pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, golongan pelajar kita merangkumi generasi peribumi digital yang tidak lagi terangsang dengan kaedah pengajaran konvensional. Guru harus bijak memilih dan menilai kesesuaian wadah ICT sedia ada bagi memastikan pelajar kekal aktif dan terlibat dalam pembelajaran mereka. Lantas, para pengkaji telah memilih alat penerbitan dalam talian, Canva, untuk menyokong PdP kerana ia memiliki potensi besar untuk menarik minat pelajar dan diterapkan dalam pelbagai aspek pengajaran Bahasa Melayu. Canva pada asasnya ialah suatu platform multimodal yang membolehkan pengguna untuk menghasilkan teks pelbagai jenis yang kemudiannya boleh dikongsikan melalui pelbagai cara. Ciri ini amat berkesan untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar yang profilnya kian rencam juga.

PERNYATAAN MASALAH

Isu yang dikaji dalam kertas kajian ini terdiri daripada dua bahagian.

Pertama, pelajar Menengah 3 Ekspres didapati agak lemah dalam penstrukturan idea dan pengolahan isi bagi tugas penulisan. Hal ini terbukti dalam tugas harian mereka dan latihan penulisan e-mel. Memandangkan para pelajar akan mempelajari penulisan karangan ekspositori di peringkat Menengah 3, hal ini agak membimbangkan kerana selain perlu mahir mengenal pasti kehendak soalan, pelajar harus bijak menstrukturkan idea bagi menjana perbincangan yang berkualiti. Maka itu, bagi memupuk kemahiran pelajar



dalam aspek tersebut dan juga keyakinan diri mereka, guru pengkaji telah melakarkan suatu pengajaran intervensi dengan penerapan aplikasi Canva.

Kedua, penerapan ICT dalam PdP bererti pelajar turut melengkapkan lebih banyak tugas secara dalam talian. Sesuatu yang sering menjadi tanda tanya ialah apakah yang boleh dilakukan dengan bahan-bahan yang telah dihasilkan oleh pelajar? Agak merugikan jika hasil kerja pelajar yang baik tidak dikongsikan bersama pelajar lain kerana pastinya bahan-bahan tersebut dapat dimanfaatkan oleh mereka juga. Lantas, tercetuslah idea untuk menjadikan para pelajar Menengah 3 Ekspres sebagai pencipta bahan dan para pelajar Menengah 1 pula sebagai pengguna bahan. Konsep pembelajaran sebegini tidak sahaja membuka peluang kerjasama antara pelajar berlainan peringkat dan aliran, malah meluaskan lagi pemahaman kita terhadap konsep pembelajaran kolaboratif yang disokong teknologi. Selain itu, pembelajaran sebegini memberikan pelajar sebab dan fokus yang menjelaskan mengapa mereka diminta untuk melalui proses pembelajaran dengan membina tugas menggunakan Canva.


OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai potensi Canva dalam mengasah kemahiran penulisan pelajar dan merangsang semangat daya cipta dalam kalangan pelajar; dan
2. meninjau peluang untuk melaksanakan pembelajaran silang peringkat dengan bermodalkan hasil kerja pelajar.

KAJIAN LEPAS

Canva dan Pembelajaran Secara Visual



Kajian-kajian lepas berkenaan penggunaan Canva dalam PdP yang dijalankan di Indonesia dan Thailand (Hadi et. al, 2021; Christiana dan Anwar, 2021) rata-rata menunjukkan trend yang memberangsangkan. Para guru yang terlibat dalam kajian-kajian tersebut bersetuju bahawa Canva boleh digunakan untuk mencapai pelbagai matlamat pembelajaran. Ramai guru cenderung menggunakan Canva bagi tugas penulisan (Al-khoeri et al., 2021). Dalam kajian yang dijalankan oleh Hadi et. al. (2021) contohnya, Canva digunakan dalam pengajaran penulisan teks naratif dan ia terbukti berupaya untuk


meningkatkan kemahiran pelajar dengan menyusun idea dengan lebih teratur. Pelajar turut berupaya untuk menulis ayat-ayat yang lebih jelas kerana dapat menyisipkan gambar yang membantu mereka untuk menggambarkan perkara tersebut. Namun, bagi menjamin keberkesanan wadah yang digunakan, guru sendiri hendaklah menunjukkan minat terhadap penggunaan aplikasi itu terlebih dahulu (Christiana dan Anwar, 2021). Ternyata, proses pembelajaran yang melibatkan representasi visual sebegini lebih berkesan dalam membantu pelajar untuk menstrukturkan isi penulisan dan menggambarkan idea dengan lebih jelas.

Sememangnya, pembelajaran secara visual yang ditakrifkan sebagai proses asimilasi maklumat daripada bahan-bahan visual ini banyak manfaatnya (Raiyn, 2016). Maklumat-maklumat yang dibentangkan dalam bentuk seperti gambar, video, kartun, rajah dan sebagainya berupaya untuk menyokong pemahaman pelajar. Kajian Fendrik dan Alvina (2018) menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang pembelajaran mereka disokong oleh bahan-bahan visual seperti rajah dan skema didapati mencatat markah yang lebih tinggi dalam ujian yang dijalankan. Kumpulan pelajar tersebut juga mempamerkan kemahiran menyelesaikan masalah yang lebih mendalam berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Kaedah pembelajaran secara visual bukan sahaja memperlihatkan kesan yang memberangsangkan dari segi akademik malah ia juga menambah nilai motivasi pelajar (Namdo, 2019).

Strategi Pembelajaran Bersama

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Canva memiliki ciri-ciri kolaboratif yang dapat dimanfaatkan dalam PdP. Pembelajaran bersama merupakan pembelajaran yang memerlukan pelajar untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Pembelajaran bersama ini merupakan salah satu teknik pembelajaran yang paling berkesan untuk meningkatkan tahap prestasi pelajar (Lord, 1994). Belajar bersama-sama rakan juga membentuk suasana pembelajaran secara kolaboratif dan kooperatif yang boleh meningkatkan motivasi pembelajaran secara intrinsik (Pintrich dan Schunk, 1996; Van Meter & Stevens, 2000) dan meningkatkan sokongan kepada pelajar secara individu (Cajkler dan Addelman, 2000; Dabbagh, 2003).

Bagi pembelajaran kolaboratif yang dijalankan dengan kumpulan dari peringkat yang berbeza, ternyata terdapat keberkesanan dalam pembelajaran bersama antara pelajar berbeza peringkat atau prestasi (Pintrich dan Schunk,



1996). Perbezaan prestasi semasa seseorang itu melakukan tugas secara sendiri dengan prestasi semasa berinteraksi dengan rakan yang lain yang lebih kompeten, menyebabkan berlakunya pembelajaran sehingga pelajar itu meningkatkan prestasinya seperti rakannya (Pintrich dan Schunk, 1996; Van Meter dan Stevens, 2000). Hal ini dikukuhkan lagi dengan dapatan Maner (2020) yang telah menjalankan sebuah kajian yang memerlukan pelajar untuk menghasilkan bahan dalam talian untuk digunakan oleh pelajar lain sebagai sumber pembelajaran. Menurut beliau, apabila pelajar mempelajari sesuatu daripada bahan dan kandungan yang dihasilkan oleh pelajar lain, pelajar ini lebih terbuka untuk menerima perkara yang diajar. Bagi pelajar yang menghasilkan bahan pula, mereka merasakan bahawa keyakinan diri mereka semakin meningkat dan ia juga mengukuhkan pemahaman mereka tersendiri terhadap perkara yang dihasilkan.

Didorong oleh kesan-kesan positif yang dilihat dalam kajian-kajian yang telah disebutkan, para pengkaji ingin melihat keberkesanan dan impak pembelajaran secara visual terhadap para pelajar dalam pembelajaran bahasa Ibunda pula. Selain itu, keberkesanan serta impak pembelajaran secara kolaboratif antara pelajar-pelajar daripada berlainan peringkat sebagai satu wadah untuk pelajar menyumbang ilmu dan juga menerima ilmu yang disampaikan dalam pembelajaran mereka turut diteliti dalam kajian ini.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan dua kumpulan pelajar yang mengambil Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ibunda, iaitu sekumpulan pelajar Menengah 3 Ekspres dan empat kumpulan pelajar Menengah 1 dari pelbagai aliran. Setiap pelajar memiliki iPad sebagai alat pembelajaran di dalam kelas.

Subjek kajian bagi pelajar Menengah 3 terdiri daripada 33 pelajar. Kumpulan pelajar ini telah menjalani pelajaran yang menggunakan Canva bagi sebuah tugas penulisan yang bertemakan isu remaja. Golongan pelajar ini juga dikenali sebagai golongan pencipta bahan kerana hasil kerja mereka dalam tugas tersebut telah digunakan sebagai bahan pembelajaran bagi pelajar Menengah 1.

Subjek kajian bagi pelajar Menengah 1 terdiri daripada empat kumpulan pelajar. Kumpulan pertama terdiri daripada 26 pelajar Menengah 1 Ekspres, kumpulan kedua terdiri daripada 19 pelajar Menengah 1 aliran Ekspres (SBB). Kumpulan ketiga terdiri daripada 11 pelajar Menengah 1 Normal Akademik serta 4 pelajar Menengah 1 Normal Teknikal aliran Normal Akademik (SBB) dan kumpulan keempat terdiri daripada 22 pelajar Menengah 1 Normal Teknikal.

Seramai empat orang guru terlibat dalam pelaksanaan kajian ini dan setiap guru menjalankan satu jenis aktiviti berdasarkan Sukatan Pelajaran baharu; JATi. Bagi pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik, mereka menjalani aktiviti penulisan fungsional. Bagi pelajar aliran Normal Teknikal, mereka melakukan latihan kefahaman objektif. Tema yang dipilih bagi kesemua aktiviti ini ialah masalah remaja kerana tema ini disentuh dalam sukatan pelajaran JATi di peringkat Menengah 1 dan juga dalam sukatan pelajaran Jauhari di peringkat Menengah 3.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan dalam bentuk borang maklum balas mengenai keberkesanan Canva sebagai alat penyokong pembelajaran pelajar. Pendapat pelajar mengenai peranan mereka sebagai pencipta bahan turut dirakam dalam borang maklum balas itu. Data kualitatif juga dikumpulkan daripada kumpulan pelajar ini melalui sebuah borang renungan yang menggunakan rutin berfikir 3-2-1. Dalam borang ini, pelajar berkongsi pendapat dan pengalaman mereka menggunakan Canva untuk menghasilkan tugas dan melakukan penilaian rakan. Guru turut mengamati hasil kerja pelajar iaitu siri poster berbentuk hantaran Instagram bagi menilai sama ada terdapat peningkatan dari segi penstrukturan idea dan pengolahan isi.

Bagi kumpulan pelajar Menengah 1 dari ketiga-tiga aliran, data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan dalam bentuk borang maklum balas yang dikemukakan melalui wadah Google Forms mengenai keberkesanan menggunakan bahan yang dicipta oleh pelajar Menengah 3 dalam pembelajaran mereka. Bagi pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik, para guru pengkaji juga menilai penulisan fungsional pelajar untuk melihat sama ada mereka berjaya menggunakan bahan yang dihasilkan oleh pelajar Menengah 3 dengan berkesan.



Prosedur Kajian

Pelaksanaan kajian ini menggunakan model Kajian Tindakan yang dibangunkan oleh Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini memperinci empat langkah: (1) Membuat Renungan (*Reflect*), (2) Merancang (*Plan*), (3) Bertindak (*Action*) dan (4) Memerhati (*Observe*).

Kitaran Kajian Tindakan Pertama

1. Membuat Renungan: Guru mengenal pasti bahawa kumpulan pelajar Menengah 3 Ekspres agak lemah dari segi penstrukturan idea dan pengolahan isi menerusi latihan-latihan penulisan terdahulu dan maklum balas yang dikumpulkan secara verbal di kelas. Guru sedar akan kepentingan melakukan intervensi bagi mengatasi masalah ini.
2. Merancang: Guru memilih untuk menggunakan wadah ICT sebagai langkah intervensi sebab pelajar tidak perlu risau tentang membuat kesilapan dengan adanya fungsi edit yang mudah digunakan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubung kait rapat antara keyakinan diri pelajar dan prestasi pembelajaran mereka (Yeo & Muhamad, 2010). Dengan memberi pelajar ruang untuk membuat kesilapan dan kemudian membetulkannya, pelajar akan berasa lebih yakin dengan kebolehan diri sendiri.

Sehubungan itu, aplikasi Canva dipilih kerana Canva menyediakan templat-templat pos Instagram yang menarik dan mudah diedit. Pelajar juga dapat menyisipkan media pelbagai format secara kreatif ke dalam hantaran-hantaran mereka.

Tema yang dipilih ialah isu remaja kerana mengikut tema dalam buku teks Jauhari. Tuntutan tugas ini juga tidak begitu membebankan. Pelajar dinilai dari segi penstrukturan idea dan keupayaan untuk memberikan isi-isi utama serta penerangan ringkas dalam setiap hantaran. Satu set hantaran terdiri daripada 5 hingga 6 slaid maklumat.

3. Bertindak: Guru menjalankan pengajaran di kelas. Pertama, pelajar menyumbang saran melalui aplikasi Mentimeter dan berbincang mengenai isu yang dihadapi oleh remaja masa kini. Pada akhir pelajaran, setiap pelajar memilih satu isu yang berbeza untuk dikaji. Seterusnya, guru menerangkan tentang tugas yang harus dilakukan. Pelajar dipimpin


untuk mengisi templat perancangan dan mencari bahan kajian. Setelah templat perancangan disemak, pelajar mengedit dan menyalin bahan kajian ke Canva. Pelajar memulakan proses mengedit tugas di Canva. Setelah selesai, hasil kerja pelajar dimuatnaikkan ke Instagram. Pelajar berpeluang untuk membaca hasil kerja rakan dan membuat penilaian rakan. Pada setiap langkah pengajaran, guru mengamati respons pelajar terhadap setiap tugas yang diberikan dan meneliti hasil kerja pelajar. Maklum balas yang mencukupi diberikan dan beberapa penyesuaian dan perancangan tambahan diberikan untuk membantu pelajar yang lemah.

4. **Memerhati:** Setelah intervensi selesai dilakukan, guru menilai keberkesanan intervensi tersebut dan pembaikan dalam pembelajaran pelajar. Pelajar kemudian mengisikan borang maklum balas dan renungan bagi merakam pendapat dan pengalaman mereka menjalani pembelajaran ini.

Guru mendapati bahawa hasil kerja para pelajar memiliki potensi yang amat besar untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran bagi pelajar lain. Maka itu, pasukan pengkaji pun menggunakan bahan yang dihasilkan oleh pelajar Menengah 3 Ekspres sebagai bahan pembelajaran bagi pelajar Menengah 1.

Kitaran Kajian Tindakan Kedua

1. **Membuat Renungan:** Guru melihat potensi bahan yang dicipta oleh pelajar Menengah 3 Ekspres untuk kegunaan PdP pelajar lain. Pasukan guru pengkaji memilih untuk menjalankan PdP bersama pelajar Menengah 1 kerana terdapat tema mengenai isu remaja yang bertindan dalam buku teks JATi.
2. **Merancang:** Hasil kerja pelajar Menengah 3 yang digunakan disesuaikan mengikut aliran dan kesediaan pelajar. Aktiviti penulisan fungsional dalam bentuk lembaran kerja telah dilakukan oleh pelajar Menengah 1 aliran Ekspres dan Normal Akademik. Pelajar perlu meneliti hantaran yang telah dimuatnaikkan di Instagram dan mengisikan templat perancangan dengan maklumat yang diperolehi daripada hantaran-hantaran tersebut. Setelah itu, pelajar boleh mula menjawab soalan penulisan fungsional berkenaan cabaran yang dialami golongan remaja yang diberikan. Bagi pelajar aliran Normal Teknikal pula, mereka telah didedahkan kepada satu pos Instagram sahaja yang membincangkan tentang ciri-ciri seorang rakan



yang baik. Pos ini telah dinilai dan dipilih oleh guru kerana kandungannya amat relevan dengan apa yang telah dipelajari sejauh itu. Pada masa yang sama, kandungan hantaran ini juga bernas dan senang untuk difahami para pelajar aliran ini. Setelah meneliti kandungan hantaran tersebut, guru telah mengolah semula kandungannya untuk dijadikan soalan kefahaman objektif. Kemudian, para pelajar menjawab soalan-soalan yang disediakan.

3. Bertindak: Pada setiap langkah pengajaran, guru mengamati respons pelajar terhadap setiap tugas yang diberikan dan meneliti hasil kerja pelajar. Maklum balas yang mencukupi diberikan dan beberapa penyesuaian dan pemerancahan tambahan diberikan untuk membantu pelajar yang lemah.
4. Memerhati: Setelah kajian selesai dilakukan, guru menilai keberkesanan penggunaan bahan yang dihasilkan oleh pelajar Menengah 3 bagi pembelajaran pelajar Menengah 1 menerusi tugas-tugas yang telah diberikan. Pelajar turut mengisikan borang maklum balas bagi merakam pendapat dan pengalaman mereka menjalani pengajaran ini.

Setelah selesai kitaran kajian pertama dan kedua, pasukan guru pengkaji bergabung semula untuk meneliti data yang telah dikumpul dan menyemak bersama hasil kajian yang telah dijalankan dengan kelas masing-masing.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada keseluruhannya, persepsi para pelajar Menengah 3 Ekspres terhadap penulisan karangan ekspositori semakin positif. Para pelajar rata-rata telah memberikan maklum balas yang positif terhadap intervensi yang dijalankan.

Seperti yang dilaporkan dalam Jadual 1, majoriti pelajar akur bahawa penggunaan aplikasi Canva telah meningkatkan keyakinan diri mereka untuk melengkapkan tugas penulisan. Hal ini berlaku sedemikian kerana unsur pembelajaran secara visual yang diterapkan menerusi penggunaan rajah dan pelbagai bahan media memudahkan mereka untuk melengkapkan tugas yang diberikan. Reka bentuk antara muka (*interface*) Canva yang tersusun memudahkan pelajar untuk melihat dengan jelas susunan idea dan pengolahan isi mereka. Sememangnya kreativiti para pelajar cukup terserlah dalam hasil kerja mereka. Tambahan, aspek penilaian rakan yang terangkum

dalam proses pembelajaran pelajar turut menyuntik semangat pelajar untuk terus memperbaiki mutu kerja mereka.

Jadual 1: Maklum Balas Pelajar Menengah 3

No	Soalan	Respons Pelajar (%)		
		Setuju	Neutral	Tidak Setuju
1	Penggunaan aplikasi seperti Canva meningkatkan keyakinan diri saya untuk melengkapkan tugas yang diberikan.	57.6	42.4	0
2	Unsur pembelajaran secara visual yang diterapkan melalui wadah ICT seperti Canva memudahkan saya untuk melengkapkan tugas yang diberikan.	75.6	24.4	0
3	Komen yang diberikan oleh rakan saya terhadap hasil kerja saya menerusi aktiviti penilaian rakan telah menambah nilai terhadap pembelajaran saya.	72.7	27.3	0
4	Saya berasa lebih bermotivasi apabila diberitahu bahawa hasil kerja saya digunakan sebagai bahan pembelajaran pelajar lain.	93.9	0	6.1
5	Penggunaan hasil kerja saya sebagai bahan pembelajaran pelajar lain mendorong saya untuk meningkatkan mutu kerja.	66.7	33.3	0
6	Penggunaan hasil kerja saya sebagai bahan pembelajaran pelajar lain bermanfaat untuk kedua-dua pihak.	84.8	15.2	0

Cabaran yang diberikan kepada golongan pelajar ini untuk menjadi pencipta bahan pembelajaran bagi pelajar lain juga disahut baik oleh mereka. Proses pembelajaran yang direka bentuk oleh guru telah memperkasakan pelajar. Pelajar bermotivasi dan merasakan hasil kerja mereka dihargai dan bermanfaat untuk menyokong pembelajaran rakan-rakan mereka yang lain. Pendapat para pelajar mengenai cabaran ini boleh dilihat dalam Jadual 2.

Secara amnya, para pelajar menjadi lebih bermotivasi untuk meningkatkan mutu kerja mereka kerana mahu pelajar lain meraih manfaat daripada hasil kerja mereka. Ada juga beberapa pelajar yang menyuarakan kebimbangan tidak dapat menghasilkan produk yang baik tetapi apa yang mengharukan ialah mereka tidak berputus asa. Hampir kesemua pelajar menunjukkan sikap yang proaktif sewaktu menjalankan tugas. Terdapat juga segelintir pelajar yang menganggap cabaran tersebut sebagai satu peluang untuk mendapatkan maklum balas yang lebih meluas bagi mempertingkatkan kemahiran diri mereka sendiri.

Para pelajar Menengah 3 Ekspres ini ternyata bersemangat dan berbangga kerana dapat menyumbang kepada pembelajaran pelajar lain. Yang nyata, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah keyakinan diri pelajar mempengaruhi kualiti kerja mereka secara positif. Dengan bertambahnya keinginan untuk menambah nilai terhadap diri orang lain, para pelajar Menengah 3 ini telah membuktikan bahawa mereka mampu untuk menghasilkan penulisan yang bermutu.

Jadual 2: Respons Pelajar Menengah 3 Berdasarkan Soalan:Jelaskan dengan lebih lanjut pendapat kamu tentang penggunaan hasil kerja kamu sebagai bahan pembelajaran pelajar lain.

No	Respons Pelajar
1	la bermanfaat kerana pelajar lain dapat belajar apa yang baik daripada saya dan mereka akan berasa lebih terdorong untuk lakukan yang terbaik bagi tugas mereka pula.
2	Ini satu cara yang baik untuk mendapatkan maklumat dengan cepat kerana maklumat penting mengenai topik tersebut sudah pun disaring.
3	Saya berasa bangga kerana saya dapat berkongsi pengetahuan dengan pelajar lain sambil menerima maklum balas daripada pelajar yang menggunakan bahan tersebut.
4	la cara yang baik untuk meningkatkan keyakinan diri saya dan juga untuk menunjukkan kepada pelajar lain yang semua pelajar ada potensi.
5	Ya, ia boleh memberi kesan positif kepada minda pelajar terutamanya dalam jangka masa panjang. Sekolah, guru dan pelajar dapat mengakses karya yang dibuat tanpa kerumitan.

Maklum balas yang dikumpulkan daripada para pelajar Menengah 1 turut menunjukkan trend yang memberangsangkan. Seperti yang dilaporkan dalam Jadual 3, majoriti pelajar akur bahawa bahan yang digunakan itu mudah difahami dan mampu menyokong pembelajaran mereka. Disokong oleh data kualitatif yang dikumpulkan seperti yang tertera dalam Jadual 4, majoriti pelajar daripada setiap aliran bersetuju bahawa bahan yang digunakan itu dapat membantu mereka mencari jawapan yang diperlukan atau dijadikan panduan untuk melengkapkan tugas. Bahan-bahan tersebut juga berupaya untuk mengemukakan perspektif baharu kepada mereka. Selain itu, majoriti pelajar turut bersetuju bahawa sebagai seorang pelajar, mereka sebenarnya memiliki potensi untuk saling menyokong pembelajaran antara satu sama lain. Kesedaran ini amat penting untuk dipertimbangkan kerana berkait rapat dengan motivasi intrinsik pelajar. Jika kita dapat terus pupuk kepercayaan bahawa setiap pelajar dapat menambah nilai terhadap pembelajaran pelajar lain, persepsi mereka terhadap pelajaran juga akan semakin positif.

Ternyata, model pembelajaran sebegini berpotensi untuk meluaskan lagi pemahaman kita tentang pembelajaran kolaboratif. Pelajar tidak lagi terhad kepada peringkat atau aliran yang sama untuk belajar bersama-sama. Ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan teknologi. Dalam kajian ini sendiri, hasil kerja pelajar telah dimuatnaikkan ke Instagram kerana platform itulah yang paling lazim digunakan pelajar dan dapat diakses dengan mudah pada bila-bila masa. Pelajar juga dapat berkongsi hantaran-hantaran tersebut dengan mudah. Semua itu akan memupuk semangat untuk belajar bersama dan saling berkongsi ilmu dalam kalangan pelajar.

Jadual 3: Maklum Balas Pelajar Menengah 1

No	Soalan: Bahan rujukan yang digunakan..	Respons Pelajar (%)			
		S – setuju	N – neutral	TS – tidak setuju	
		Men 1 EXP	Men 1 EXP SBB	Men 1 NA / NT (SBB)	Men 1 NT
1	Mudah difahami	S – 68.4 N – 31.6 TS – 0	S – 68.4 N – 31.6 TS – 0	S – 57.1 N – 42.9 TS – 0	S – 57 N – 43 TS – 0
2	Mampu menyokong pembelajaran saya di dalam bilik darjah.	S – 68.4 N – 21.1 TS – 10.5	S – 68.4 N – 26.3 TS – 5.3	S – 42.9 N – 57.1 TS – 0	S – 71 N – 29 TS – 0
3	Meningkatkan pemahaman saya mengenai perkara yang diajar oleh guru.	S – 68.4 N – 21.1 TS – 10.5	S – 68.4 N – 31.6 TS – 0	S – 42.9 N – 57.1 TS – 0	S – 86 N – 14 TS – 0
4	Mendorong saya untuk meningkatkan mutu kerja saya.	S – 73.7 N – 21 TS – 5.3	S – 63.2 N – 31.5 TS – 5.3	S – 42.9 N – 57.1 TS – 0	S – 71 N – 29 TS – 0
5	Membuktikan bahawa para pelajar memiliki potensi untuk saling menyokong pembelajaran satu sama lain.	S – 63.2 N – 21 TS – 15.8	S – 63.2 N – 36.8 TS – 0	S – 57.1 N – 28.6 TS – 14.3	S – 57 N – 43 TS – 0
6	Jika diberikan peluang, saya mahu menjadi seorang pencipta bahan.	S – 42.1 N – 42.6 TS – 5.3	S – 21.1 N – 68.4 TS – 10.5	S – 28.6 N – 57.1 TS – 14.3	S – 57 N – 43 TS – 0

Menerusi data kuantitatif yang dikumpulkan bagi soalan 3 dalam Jadual 3 memberikan maklum balas tentang kesediaan pelajar dalam menjalani pembelajaran terarah secara sendiri. Segelintir pelajar lebih selesa belajar apabila ada guru yang memimpin mereka dalam pelajaran. Kumpulan pelajar ini berasa kurang yakin apabila diberikan bahan untuk diteroka sendiri kerana bimbang akan membuat kesilapan. Ada juga pelajar yang menyuarakan keprihatinan tentang kesahan bahan yang dihasilkan oleh pelajar lain. Dari

satu perspektif, mereka menjadi pelajar yang lebih kritis dan mampu mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam bahan yang dihasilkan oleh rakan-rakan yang lain. Secara tidak langsung, penemuan ini turut membuka peluang bagi guru untuk mengasah kemahiran dan pengetahuan bahasa pelajar dalam aspek-aspek yang ditimbulkan.

Meskipun para pelajar secara amnya berasa neutral terhadap peluang untuk menjadi seorang pencipta bahan, mereka tidak sama sekali menentang idea tersebut. Buat masa ini, mereka berasa seolah-olah diri mereka kurang layak dan tidak mampu untuk menghasilkan sebuah produk yang baik. Maka itu, jika diberikan bimbingan dan sokongan yang mencukupi, para pelajar ini pasti akan berasa lebih yakin.

Jadual 4: Soalan Bagi Respons Pelajar: Apakah pendapat kamu tentang penggunaan hasil kerja pelajar lain sebagai bahan pembelajaran? Mengapa?

No	Respons Pelajar	Aliran
1	Saya berasa ia baik kerana saya juga boleh berkawan dengan mereka.	1NT
2	Pada pendapat saya, kita dapat berkongsi jawapan dan belajar bersama-sama.	
3	Ia sesuatu yang baik kerana ia boleh memberi galakan kepada pengguna-pengguna bahan. Ia pun boleh menolong mereka untuk menjadi lebih baik dalam bahasa Melayu.	
4	Kita boleh mendapat informasi mengenai cara pelajar lain belajar dan apa yang mereka berfikir tentang topik itu.	1NA & NA / NT (SBB)
5	Saya berasa bersyukur kerana saya ada bahan yang boleh saya rujuk semasa mengulang kaji pelajaran.	
6	Ia bagus kerana bahan yang digunakan itu boleh menyokong pembelajaran saya.	
7	Pada pendapat saya, penggunaan hasil kerja pelajar lain itu baik kerana kita juga harus tahu apa yang pelajar di kelas lain sedang belajar.	1EXP (SBB)
8	Pada pendapat saya, penggunaan hasil kerja pelajar lain mungkin boleh mengelirukan pemahaman kita. Namun kalau hasil kerja pelajar itu telah disemak oleh guru, saya rasa ia boleh dipercayai.	
9	Pada pendapat saya, menggunakan hasil kerja pelajar lain dapat mengajar kita cara mereka menghasilkan kerja mereka. Jadi kita tahu contoh yang baik untuk diikuti.	
10	Pada pendapat saya, penggunaan hasil kerja pelajar lain amat bermanfaat kerana kita dapat belajar daripada mereka tentang perkara yang mereka tahu.	1 EXP
11	Pada pendapat saya, menggunakan hasil pelajar lain baik kerana saya dapat faham bagaimana untuk jawab soalan dengan baik.	
12	Pada pendapat saya, saya suka cara ini kerana kita boleh belajar daripada orang lain dan itu boleh memberi kita idea untuk melengkapkan tugasan kita.	

Lantas, kaedah PdP yang dilaksanakan bersama para pelajar Menengah 1 ini ternyata memiliki potensi yang amat besar untuk terus diteroka. Kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan hasil kerja pelajar Menengah 3 Ekspres bagi pembelajaran pelajar Menengah 1 ada meninggalkan kesan positif terhadap kualiti pembelajaran pelajar serta merangsang minat dan motivasi mereka untuk melengkapkan tugas dengan lebih baik. Penggunaan ICT di sini juga berkesan sebagai satu wadah untuk memudahkan perkongsian dan penyimpanan sumber pelajaran.


CADANGAN

Bagi memperkukuh lagi kajian yang dijalankan, saranan-saranan berikut dapat dipertimbangkan:

1. Bagi usaha intervensi yang dijalankan bersama pelajar Menengah 3 Ekspres, pelajar boleh diberikan tugas penulisan prakajian yang agak serupa dengan tugas yang diberikan semasa intervensi dilakukan supaya peningkatan yang pelajar paparkan setelah melakukan aktiviti intervensi serta kesan penggunaan ICT dapat diukur dengan lebih tepat lagi.
2. Pelibatan pelajar Menengah 3 Ekspres sebagai pencipta bahan bagi pembelajaran pelajar Menengah 1 boleh dipertingkatkan. Dalam kajian yang dijalankan bersama pelajar Menengah 1, guru yang telah memperkenalkan bahan yang dihasilkan oleh pelajar Menengah 3. Sebaiknya, golongan pencipta bahan ini harus diberikan peluang untuk menyampaikan sendiri hasil kerja mereka secara langsung kepada golongan pengguna. Perkara ini boleh dilakukan dalam bentuk forum atau pembentangan yang dijalankan dalam kumpulan kecil di sekolah ataupun secara maya. Dengan cara ini, proses pembelajaran lebih bersifat autentik, sekali gus meningkatkan daya kepemilikan pelajaran.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya. Pengajaran dan pembelajaran secara visual dengan menggunakan aplikasi Canva telah berupaya untuk menyokong pemahaman pelajar. Kaedah ini telah meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk menghasilkan tugas yang bermutu. Hasil kerja pelajar ini yang kemudian



dijadikan bahan pembelajaran bagi pelajar Menengah 1 pula terbukti berkesan dalam menolong mereka untuk memahami topik yang dipelajari dalam penulisan fungsional justeru merangsang sikap belajar bersama antara pelajar berlainan peringkat. Sememangnya, banyak kebaikan yang boleh diperolehi dalam pembelajaran secara kolaboratif dengan menui penggunaan ICT dan harus terus diteroka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Muhammad Asyraf Khalid
2. Raudhah Abdul Rahim

RUJUKAN

Al Khoeri, A. F., Nuraini, W., Ramdani, R., & Agum, S. (2021). The implementation of Canvas to enhance english teaching and learning. *Connects Proceedings*.


Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. (2018, December). *Buku Manual Kajian Tindakan* - moe.gov.my.

Cajkler, W., & Addelman, R. (2000). *The practice of foreign language teaching* (2nd ed.). London: David Fulton Publishers.

Christiana, E., & Anwar, K. (2021). The perception of using technology CANVA application as a media for English teacher creating media virtual teaching and English learning in Loei Thailand. *Journal of English Teaching, Literature, and Applied Linguistics*, 5(1), 62. <https://doi.org/10.30587/jetlal.v5i1.2253>

Fendrik, M. & Alvina. (2018). The Impact of Visual Thinking Approach to Promote Elementary Students Problem Solving Skills in Mathematics. *Journal of Teaching and Learning in Elementary Education*, 1(2), 98-108.

Hadi, M.S., Izzah, L., & Paulia, Q. (2021). Teaching writing through Canva application to enhance students' writing performance. *JOLLT Journal of Languages and Language Teaching*, 9(2), 228-235, DOI: <https://doi.org/10.33394/jollt.v9i2.3533>

- 
- Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Lord, T. R. (1998). *Chapter 2 Collaborative Learning*. Retrieved from Citeseerx: <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.466.7601&rep=rep1&type=pdf>
- Maner, S. (2020, October 11). *From Users to Creators – Getting Students to Create Learning Content*. Retrieved from Medium: <https://medium.com/@sanam.maner/from-users-to-creators-getting-students-to-create-learning-content-1439938546e5>
- Namdo, G. (2019). The Impact of Mobile Game-Based Language Learning Apps on EFL Learners' Motivation. *English Language Teaching*, 12(4), 49-56.
- Pintrich, P. R., & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in education: Theory, research and applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Raiyn, J. (2016). The Role of Visual Learning in Improving Students' Higher-Order Thinking. *Journal of Education and Practice*, 7(24), 115-121.
- Van Meter, P., & Stevens, R. J. (2000). The role of theory in the study of peer collaboration. *The Journal of Experimental Education*, 69(1), 113–127.
- Yeo, K. J., & Muhamad, Z. (2010). Hubungan Antara Harga Diri Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Pelajar Sekolah Menengah. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.